

## **PROSPEK GRADUAN PERAKAUNAN MELALUI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Norhanizah Johari, Nazifah Mustaffha, Mohd Isa Mohd Deni,  
[norhanizah@kuis.edu.my](mailto:norhanizah@kuis.edu.my), [nazifah@kuis.edu.my](mailto:nazifah@kuis.edu.my), & [mohdisa@kuis.edu.my](mailto:mohdisa@kuis.edu.my)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

### **ABSTRAK**

Graduan merupakan aset kepada sesebuah negara dan organisasi. Graduan dengan kelayakan dan kemahiran tertentu amat diperlukan untuk membantu perkembangan industri terutamanya Institusi Kewangan Islam (IFI) di Malaysia yang dilihat semakin pesat berkembang ketika ini. Permintaan terhadap graduan dengan bakat tertentu sangat diperlukan di beberapa bahagian yang dikatakan kritikal bagi institusi ini. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas tentang prospek graduan perakaunan daripada pihak pengurusan atasan atau Ketua Eksekutif di beberapa Institusi Kewangan Islam (IFI) di Malaysia. Maklumbalas daripada tujuh institusi kewangan Islam (IFI) yang melibatkan institusi perbankan Islam, Institusi bukan perbankan dan syarikat takaful telah berjaya diperolehi. Lapan orang responden telah berjaya ditemubual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berkaitan dengan 4 dimensi kajian ini iaitu pengetahuan, kemahiran, keperluan dan jurang. Hasil rakaman temubual ditranskripsikan dan di analisis secara analisis kandungan (*content analysis*). Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa pengetahuan dan kemahiran yang perlu diperkuuhkan penguasaannya oleh graduan perakaunan yang menjadi keperluan utama untuk berkhidmat di institusi kewangan Islam ini. Manakala jurang yang dikenalpasti boleh diperbaiki dengan mewujudkan kerjasama di antara Institusi kewangan Islam (IFI) dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sedia ada. Di harap kajian ini memenuhi objektifnya sebagai usaha menyediakan graduan terutamanya graduan perakaunan untuk mengisi keperluan bakat di Institusi kewangan Islam (IFI) di Malaysia.

**Kata kunci :** Perakaunan, Institusi Kewangan Islam (IFI), pasaran kerja, bakat graduan.

## **1.0 PENGENALAN**

Tidak dinafikan permintaan terhadap akauntan dalam bidang konvensional sentiasa ada. Malah peluang ini semakin meningkat bagi sektor kewangan profesional yang semakin berkembang (Amira, 2012). Operasi industri kewangan Islam memerlukan modal insan berpengetahuan dan berkepakaran dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam yang bakal menerajui institusi berkaitan dengannya. Kekurangan modal insan berilmu dan berkemahiran tinggi akan membantutkan pembangunan apa juga industri termasuklah kewangan Islam. Penyediaan program pendidikan yang efisen akan melonjakkan lagi pembangunan industri kewangan Islam sama ada di dalam atau luar negara (Mohd Zamerey & Rahimi, 2014).

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Berdasarkan jangkaan pasaran pada masa hadapan, industri kewangan Islam global memerlukan lebih kurang satu juta pakar taraf bertaraf profesional. Malaysia sendiri memerlukan 56,000 tenaga kerja pakar menjelang tahun 2020 (Muhd. Ramadhan, 2015).

Perkembangan pesat dalam bidang kewangan Islam sejak 2009 di Malaysia, telah menyebabkan industri kewangan Islam mengalami perkembangan yang pesat dalam ekonomi. Berikutan perkembangan ini, ia dianggarkan bahawa industri kewangan Islam memerlukan kira-kira 1 juta profesional menjelang tahun 2020. Di Malaysia sahaja seramai 22,400 individu diperlukan untuk menyokong sektor kewangan Islam yang terdiri daripada 40% daripada tenaga kerja ini. Manakala 56,000 tenaga kerja tambahan diperlukan untuk industri kewangan dalam konteks yang lebih luas (MIFC, 2015). Bagi Institut Akauntan Malaysia (MIA), adalah menjadi visi Institut untuk menggalakkan pertumbuhan dan prospek akauntan profesional dalam perniagaan (PAIBs). Ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti peluang yang ada untuk Akauntan kewangan Islam dalam pelbagai bidang dengan menyumbang kemahiran dan kepakaran untuk membantu membangunkan industri kewangan Islam (Abdullah, A., 2012).

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti prospek kerjaya graduan perakaunan melalui Institusi kewangan Islam (IFI) yang ada di Malaysia sebagai satu usaha untuk melengkapkan diri graduan dengan kehendak pasaran. Usaha ini diharap seiring dengan saranan

Hala Tuju 3 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada Januari 2016 untuk menyediakan graduan perakaunan yang dilengkapi pengetahuan dan kemahiran insaniah terutamanya dalam memenuhi keperluan perakaunan dalam bidang Kewangan Islam yang semakin pesat membangun.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengkaji sejauh mana pengetahuan graduan perakaunan dapat diaplikasikan dalam Institusi Kewangan Islam.
- ii. Mengkaji bagaimana kemahiran insaniah dan kemahiran-kemahiran lain dapat diaplikasikan oleh graduan perakaunan di Institusi Kewangan Islam.
- iii. Mengenalpasti jurang di antara pendidikan perakaunan sedia ada dengan keperluan di Institusi Kewangan Islam.
- iv. Mencadangkan keperluan pengetahuan, kemahiran insaniah dan kemahiran-kemahiran lain yang perlu diberikan penekanan oleh IPT bagi program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam usaha melahirkan graduan berdaya saing di pasaran terutamanya di dalam institusi Perbankan Islam (IFI).

#### **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Secara keseluruhannya kajian-kajian lepas yang diperolehi mendapati, pengetahuan dan kemahiran adalah antara perkara utama yang berikan penekanan oleh majikan (Krishnan, S. et al., 2017; Abdullah, A. et al., 2015; Talent Development Survey, 2015; Mustapha, M.Z., 2005; Ahmad, N. L. & Mohd Rhouse S., 2016; Abdul Rashid, S. Z. et al., 2011; Ali, H. et al., 2011; Mohamad, S. & Othman, M., 2001; Aman A. & Ramly, R., 2015; Foong, S. Y. & Khoo, C. H., 2015; Aman, A. & Asmui, A., 2012). Menurut Senik, R. et al., (2013) graduan perakaunan perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran terutamanya keperluan kepada pengetahuan dan kemahiran teknologi yang berkaitan dengan perakaunan, percukaian dan pengauditan. Institusi pendidikan harus mengambil inisiatif bersama-sama dengan bakal majikan

atau industri untuk mengatasi jurang yang wujud antara keperluan di industri dengan apa yang perlu disediakan oleh Institusi pendidikan kepada graduan.

Menurut Khan (2015), adalah menjadi keperluan untuk sumber manusia di perbankan Islam diberikan pengetahuan dan latihan kemahiran yang cukup tentang perbankan syariah, selain menerapkan nilai-nilai Islam dalam amalan etika perbankan agar perkhidmatan yang cemerlang dapat diberikan kepada pelanggan.

Manakala di dalam kajian yang lain (Amina, H. M et al., 2013; Yusof, R. et al., 2007; Jaafar, N. I., 2003; Awang, A. H. et al., 2004) mendapati kemahiran adalah perkara yang paling utama yang diberi penekanan oleh majikan terhadap bakal pekerja atau graduan. Berbanding dengan Othman, R. & Ameer, R. (2015) dan Sarea, A. M. & Hanefah, M. M. (2013) mengatakan pengetahuan adalah faktor utama bagi majikan di Institusi Kewangan Islam.

Bagaimanapun, jurang yang paling utama yang dikenal pasti oleh Makbul, Z. M. et al (2015) dan Ismail M. H. (2012) bagi graduan oleh majikan ialah kemahiran komunikasi, interpersonal, etika dan nilai, kemahiran berfikir, membuat keputusan dan penyelesaian masalah selain kemahiran kerja berpasukan dan perancangan kerja.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat jurang perbezaan yang wujud antara kehendak majikan di pasaran dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh graduan atau bakal pekerja sedia ada. Institusi yang berbeza memerlukan graduan atau bakal pekerja dengan pengetahuan dan kemahiran yang berbeza. Oleh itu, adalah menjadi keperluan bagi Instistusi pengajian tinggi (IPT) bekerjasama dengan Institusi Kewangan Islam (IFI) untuk mengenal pasti apakah pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikemaskini oleh graduan untuk mengurangkan jurang yang wujud agar graduan yang dihasilkan oleh IPT selari dengan kehendak pasaran atau industri berkaitan.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Malaysia mempunyai dua sistem kewangan, iaitu institusi kewangan dan pasaran kewangan. Instistusi kewangan terdiri daripada sistem perbankan, pengantara bukan bank dan pengendali takaful. Kajian ini hanya memberi penekanan kepada institusi

kewangan di bawah kategori institusi dengan amalan sistem perbankan, pengantara bukan bank dan pengendali takaful yang beroperasi berasaskan prinsip kewangan Islam sahaja. Tiga belas (13) pucuk surat permohonan kebenaran temuduga dihantar kepada Institusi kewangan Islam (IFI) yang berkaitan antaranya, Bank Islam Malaysia Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Berhad, Bank Simpanan Nasional, *Maybank Islamic Berhad*, *CIMB Islamic Bank Berhad*, Lembaga Tabung Haji, *Affin Islamic Bank Berhad*, *Kuwait Finance House (M) Berhad*, Al Rajhi Bank Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Takaful Ikhlas Berhad dan Prudential Takaful.

Bagaimanapun kami hanya berjaya memperolehi maklum balas yang positif dari tujuh (6) IFI yang dipohon iaitu BIMB, Bank Muamalat, Bank Rakyat, BSN, Syarikat Takaful Malaysia dan Takaful Ikhlas. Jadual 1 menunjukkan sampel kajian iaitu senarai bank, pengantara bukan bank dan pengendali takaful yang beroperasi berdasarkan prinsip kewangan Islam yang menjadi responden kajian ini.

Jadual 1: Senarai Sampel Kajian

Bil.	Nama Institusi	Kategori
1.	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD	Institusi Perbankan Berlesen
2.	BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD	Institusi Perbankan Berlesen
3.	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD	Institusi Penyimpan - Pengantara kewangan bukan bank
4.	BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD	Institusi Penyimpan - Pengantara kewangan bukan bank
5.	SYARIKAT TAKAFUL IKHLAS BERHAD	Pengendali Takaful Berlesen
6.	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD	Pengendali Takaful Berlesen

Wakil Pengurusan Institusi Kewangan Islam institusi kewangan Islam yang berjaya dihubungi terdiri daripada Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Vice Presiden dan Ketua Unit yang bersetuju untuk ditemubual pada hari dan masa yang ditentukan oleh pihak IFI tersebut. Daripada enam IFI ini, tujuh wakil pengurusan telah berjaya ditemubual di mana Bank Rakyat diwakili oleh dua wakil pengurusan dari jabatan

audit dan jabatan akaun, mana kala lain-lain IFI diwakili oleh seorang wakil pengurusan sahaja. Daripada enam IFI ini, dua responden adalah diwakili oleh Institusi perbankan, dua responden dari institusi pengantara bukan bank manakala dua responden mewakili syarikat Takaful.

Satu set soalan temubual separa berstruktur yang mengandungi empat bahagian disediakan untuk memenuhi empat objektif kajian ini. Kesemua soalan temubual telah diemailkan beserta surat permohonan kepada tujuh responden agar pihak wakil pengurusan IFI dapat mengenal pasti secara umumnya apakah maklumat yang diperlukan oleh pengkaji selain dapat menentukan jabatan dan wakil pengurusan mana yang terlibat untuk kajian ini. Wakil pengurusan IFI ini dikehendaki untuk memberikan pandangan mereka berkaitan empat (4) objektif kajian ini iaitu berkaitan:

- i. Pengetahuan graduan
- ii. Kemahiran graduan
- iii. Jurang di antara pendidikan perakaunan sedia ada dengan keperluan di Institusi Kewangan Islam.
- iv. Keperluan berkaitan pengetahuan, kemahiran insaniah dan kemahiran-kemahiran lain yang perlu diberikan penekanan oleh IPT bagi program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam usaha melahirkan graduan berdaya saing di pasaran terutamanya di dalam institusi Perbankan Islam (IFI).

Keempat-empat objektif ini, dijadikan tema utama perbincangan dapatan kajian agar dapat memenuhi objektif kajian. Kesemua temubual yang dijalankan telah dirakamkan secara audio dengan menggunakan perakam suara dan hasil rakaman ini kemudiannya ditranskripsikan.

### **3.0 DAPATAN KAJIAN**

Analisis Dapatan Kajian dibahagikan mengikut 4 dimensi kajian iaitu pengetahuan, kemahiran jurang dan keperluan. Berikut adalah dapatan kajian yang diperolehi:

#### **3.1 Pengetahuan**

Berdasarkan analisis kandungan transkripsi yang dilakukan, pengetahuan dapat dipecahkan kepada 12 kategori utama itu; Asas Perakaunan (AP), Standard Perakaunan (SP), Laporan Kewangan (LK), Perbankan Islam berkaitan Produk dan operasi (PI), Sains dan Aktuari (SNAK), Statistik (ST), Kelayakan Profesional -ACCA, CIMA, MICPA, CPA Australia dan

lain-lain (KP), Undang-undang dan Akta Bank Negara Malaysia (UABNM), Sistem Perakaunan Berkomputer (SPB), Pengurusan Strategi (PS), Pengurusan Risiko (PR) dan Standard Audit (SA). Analisis pengetahuan mengikut kategori dan responden ditunjukkan di dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Analisis Pengetahuan**

<b>Responden</b>	<b>Pengetahuan</b>											
	<b>AP</b>	<b>SP</b>	<b>LK</b>	<b>PI</b>	<b>SNAK</b>	<b>ST</b>	<b>KP</b>	<b>UABNM</b>	<b>SPB</b>	<b>PS</b>	<b>PR</b>	<b>SA</b>
<b>B01</b>				/				/	/			
<b>B02</b>				/			/					
<b>B03</b>		/ MFRS 9,11		/	/	/						
<b>B04</b>		/					/					
<b>B05</b>	/	/		/				/				
<b>T01</b>	/	/ MFRS 9,17		/						/	/	/
<b>T02</b>	/	/ IFRS 4	/				/		/		/	
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

**NOTA:**

- |             |                                                                |
|-------------|----------------------------------------------------------------|
| <b>AP</b>   | – Asas Perakaunan                                              |
| <b>SP</b>   | – Standard Perakaunan                                          |
| <b>LK</b>   | – Laporan Kewangan                                             |
| <b>PI</b>   | – Perbankan Islam (Produk, operasi & kontrak)                  |
| <b>SNAK</b> | – Sains dan Aktuari                                            |
| <b>ST</b>   | – Statistik                                                    |
| <b>KP</b>   | – Kelayakan Profesional (ACCA, CIMA, MICPA, CPA Australia dll) |
| <b>ABNM</b> | – Akta Bank Negara Malaysia                                    |
| <b>SPB</b>  | – Sistem Perakaunan Berkomputer                                |
| <b>PS</b>   | – Pengurusan Strategi                                          |
| <b>PR</b>   | – Pengurusan Risiko                                            |
| <b>SA</b>   | – Standard Audit                                               |

### **3.2 Kemahiran**

Kemahiran yang perlu dimiliki oleh para graduan pula dibahagikan kepada dua kemahiran utama iaitu kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah (Yee, Kui & Wei, 2015; Tempone et al., 2012; Jackling & Lange, 2009). Kemahiran teknikal merupakan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perakaunan itu sendiri, seperti kemahiran mengaplikasi pengetahuan dan standard perakaunan, kemahiran menganalisa dan menyelesaikan masalah serta kemahiran menggunakan perisian dan sistem perakaunan berkomputer. Manakala kemahiran insaniah pula merujuk pada kemahiran kendiri seperti kemahiran bekerja dalam kumpulan, kepemimpinan, berkomunikasi

dan menulis dalam Bahasa Inggeris, pengurusan masa, integriti dan sahsiah diri serta kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja.

Jadual 3: Matriks jenis-jenis kemahiran yang perlu ada pada graduan perakaunan dari perspektif responden.

Responden	Kemahiran Teknikal				Kemahiran Insaniah					
	Aplikasi perakuan	Analisa masa lahan	Aplikasi komputer	Kerja berkumpulan	Kepermimpinan	Komunikasi lisan	Komunikasi bertulis	Pengurusan Masa	Integriti /Sahsiah / Akhlak	Kebolehan menyesuaikan diri dengan budaya kerja
T01				/	/	/		/	/	/
T02	/		/			/		/		/
B01	/	/	/		/	/	/		/	
B02	/	/	/			/			/	/
B03	/	/	/	/		/	/	/	/	
B04	/					/	/			
B05	/	/				/				/
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>7</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>4</b>

### 3.3 Jurang

Hasil temuduga yang dijalankan terdapat beberapa pandangan berkaitan jurang yang wujud antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan IFI. Ringkasan jurang yang wujud ditunjukkan oleh jadual di bawah.

Jadual 4: Jurang perbezaan di antara di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Kewangan Islam (IFI).

<b>JURANG PERBEZAAN ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) DAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM (IFI)</b>					
Responden	Silibus Pengajaran	Demografi (Kaum)	Bidang Baharu (Aktuari, Treasury)	Sistem Elektronik vs. Manual	IPT Tempatan vs. IPT Luar Negara
T01					/
T02	/				
B01				/	
B02	/				
B03	/				
B04	/		/		
B05	/				
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

### **3.4 Keperluan**

Berdasarkan transkipsi maklumbalas responden di atas, keperluan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Iaitu keperluan terhadap graduan perakaunan dan keperluan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Keperluan terhadap graduan perakaunan merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh graduan. Manakala keperluan kepada IPT adalah lebih kepada keperluan untuk penambahbaikan kepada kurikulum yang ditawarkan oleh IPT. Ringkasan keperluan berkaitan graduan perakaunan dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diringkaskan di dalam Jadual 5 dan Jadual 6 di bawah.

**Jadual 5: Kemahiran dan Pengetahuan yang perlu dikuasai oleh graduan perakaunan**

	<b>T01</b>	<b>T02</b>	<b>B01</b>	<b>B02</b>	<b>B03</b>	<b>B04</b>	<b>B05</b>
Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman kerja</li> <li>• Keperibadian</li> <li>• Pengurusan masa</li> <li>• Belajar</li> <li>• Kepimpinan</li> <li>• Kerja berpasukan</li> <li>• Integriti</li> <li>• Jujur &amp; telus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebolehan kepelbagai tugas (ambil tahu tugas selain dari bidang tugas untuk memudahkan urusan).</li> </ul>					
Pengetahuan		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelayakan professional</li> </ul>			<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1. Prinsip Islam</li> <li>• 2. Kontrak dalam Islam</li> <li>• 3. Prinsip Syariah</li> <li>• 4. Isu-isu syariah</li> <li>• 5. Penekanan terhadap Standard Perakauna n.</li> <li>• 6. Penyediaan penyata kewangan untuk IFI.</li> </ul>		

Manakala bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) keperluan yang boleh ditambahbaik adalah dari sudut:

Jadual 6: Keperluan untuk penambahbaikan di Institusi Pendidikan Tinggi

	<b>T01</b>	<b>T02</b>	<b>B01</b>	<b>B02</b>	<b>B03</b>	<b>B04</b>	<b>B05</b>
Keperluan untuk penambahbaikan di IPT		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tambah baik silibus. Pendedahan kepada:           <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Accounting for financial institutions</li> <li>2. Takaful</li> <li>3. Islamic banking</li> <li>4. Unit trust</li> <li>5. Lain-lain</li> <li>6. Kandungan mengikut keperluan industri</li> </ol> </li> <li>• Semakan silibus diperangkat universiti secara berperingkat dengan kerjasama pihak industri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penempatan Sabatikal pensyarah IPT di IFI</li> </ul>	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerjasama antara IPT dan IFI untuk penyelidikan</li> <li>• Bekerjasama antara IPT dan IFI untuk program yang melibatkan perkongsian pakar dari IFI tentang perkara berkaitan produk, proses, syariah dan lain-lain perkara yang berkaitan.</li> <li>• Kerjasama untuk MoU pelajar mendapat penempatan bagi latihan industri (praktikal training)</li> <li>• Menawarkan program Profesional kepada pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja sama antara IFI dan IPT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MoU / Kerjasama antara IPT dan IFI untuk tujuan penyelidikan.</li> <li>• Kerjasama IPT dengan IFI untuk penempatan pelajar bagi latihan industri di IFI</li> <li>• Kerjasama IPT mengadakan talk untuk perkongsian input dari pakar di IFI dengan IPT.</li> <li>• Sabatikal – penempatan pensyarah di IFI.</li> </ul>

#### **4.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan keseluruhan ulasan dapatan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan yang paling penting yang perlu dikuasai oleh graduan perakaunan ialah

pengetahuan tentang Standard Perakaunan (B03, B04, B05, T1 dan T02) dan Perbankan Islam yang berkaitan dengan produk, operasi dan kontrak (B01, B02, B03, B04, B05 dan T01). Ini diikuti oleh pengetahuan tentang Asas perakaunan (konsep perakaunan, jurnal, lejar dan penyata penyesuaian bank) (B05, T01 dan T02) selain mempunyai kelayakan professional (B02, B04 dan T2). Malah, pengetahuan tentang sains aktuari, perundangan dan akta yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan pengurusan risiko juga penting untuk graduan yang ingin berkhidmat di institusi kewangan Islam ini. Manakala pengetahuan berkaitan Laporan kewangan, statistik, sistem perakaunan berkomputer, pengurusan strategi dan Standard Audit adalah perkara asas yang perlu diketahui oleh graduan.

Berdasarkan dapatan kajian ini didapati bagi IFI yang melibatkan syarikat Takaful, (T01, dan T02) pengetahuan berkaitan asas perakaunan, Standard Perakaunan dan Pengurusan Risiko adalah sangat penting untuk dikuasai oleh graduan yang ingin berkhidmat di IFI. Manakala bagi IFI yang melibatkan perbankan, pengetahuan yang paling penting yang perlu dikuasai oleh graduan adalah pengetahuan berkaitan dengan perbankan Islam yang meliputi produk dan operasi perbankan Islam (B01, B02, B03, B05) dan Standard Perakaunan (B03, B04 dan B05) yang berkaitan dengan institusi ini.

Dari sudut kemahiran pula, dapatan kajian mendapati bagi IFI Takaful, kemahiran yang paling penting yang diperlukan adalah komunikasi lisan diikuti pengurusan masa dan kebolehan menyesuaikan diri dengan budaya kerja. Manakala bagi IFI perbankan, kemahiran yang paling penting adalah komunikasi lisan dan aplikasi perakaunan diikuti analisa masalah, komunikasi bertulis, aplikasi komputer dan integriti / sahsiah / akhlak.

Oleh itu adalah menjadi satu keperluan bahawa graduan yang diperlukan di Institusi Kewangan Islam (IFI) perlu mempunyai pengalaman kerja, berkeperibadian yang baik, bijak mengurus masa, sanggup belajar, boleh memimpin, mempunyai semangat kerja berpasukan, berintegriti, Jujur dan bersikap telus serta berkebolehan melaksanakan pelbagai tugas (*multi tasking*).

Di sudut pengetahuan pula adalah menjadi keperluan untuk graduan perakaunan mempunyai pengetahuan tentang; prinsip-prinsip Islam, kontrak dalam Islam, prinsip syariah, isu-isu syariah, Standard Perakaunan., penyediaan penyata kewangan untuk IFI selain mempunyai kelayakan professional sebagai satu nilai tambah kepada graduan.

Manakala bagi IPT pula, majoriti responden (T02, B01, B03, B04, B05) berpendapat adalah menjadi keperluan bagi IPT untuk bekerjasama dengan IFI untuk penambahbaikan dari segi semakan silibus bagi kursus-kursus yang berkaitan dengan kewangan seperti kursus; *Accounting for financial institutions*, Takaful, *Islamic banking*, *Unit trust* dan lain-lain kandungan mengikut keperluan industri. Selain itu, IPT juga dicadangkan untuk mengadakan kerjsama seperti sesi perkongsian ilmu antara pensyarah dan pelajar dengan pakar di IFI, MoU untuk penempatan pelajar bagi latihan industri, penempatan sabatikal pensyarah di IFI dan kerjasama penyelidikan antara IPT dan IFI. Kerjasama ini dilihat menjadi satu keperluan demi kebaikan IPT dan IFI itu sendiri di dalam mengatasi kekurangan bakat di IFI pada masa ini.

Umumnya hampir semua responden bersetuju bahawa silibus yang digunakan di IPT perlu selari dengan perkembangan semasa. Responden (T02) berpendapat silibus yang ditawarkan di IPT perlu dikemaskini secara berkala supaya selari dengan keperluan di industri. Ini disokong oleh pandangan (B03), (B05) dan (B04). Untuk mengurangkan jurang tersebut (B04) mencadangkan supaya kerjasama yang lebih kerap perlu diadakan di antara IPT dan Institusi Kewangan Islam (IFI). (B05) juga menekankan pentingnya pengajaran di IPT selalu kemaskini dengan perkembangan semasa dan keperluan di industri. Beliau juga menyentuh tentang IFRS dan BASEL yang sudah banyak berubah. (B03) Silibus di IPT sepatutnya perlu selalu dikemaskini dengan garis panduan terkini yang digunakan dalam industri, contohnya setelah IFSA dilancarkan banyak perkara yang berubah dan pelajar dan pengajar perlu peka dengan perubahan itu. IFRS 9 (*Financial Instruments*) dan IFRS 7 (*Financial Instruments: Disclosures*) sebagai contoh juga perlu diambil tahu oleh IPT. Malah pengetahuan berkaitan *hedge accounting* juga perlu diambil tahu oleh pelajar. IPT luar negara dilihat dapat menghasilkan graduan yang lebih baik berbanding IPT tempatan (T01). Namun ini memerlukan kajian lanjut mengenai pendekatan yang digunakan oleh IPT luar negara.

Ilmu dan kemahiran sangat penting dan ia tidak terhad kepada kurikulum di IPT sahaja. Contohnya, ilmu tentang perbendaharaan perlu diberikan pendedahan kepada graduan yang meliputi *forex*, *bon*, *derivatives* (B04). Graduan juga perlu didedahkan dengan sistem teknologi terkini yang digunakan oleh IFI memandangkan industri ini banyak menggunakan aplikasi sistem teknologi berkomputer (B01) berbanding pendedahan kepada aplikasi sistem yang terhad di IPT.

Di sisi yang lain, adalah mengejutkan apabila kajian ini mendapati hampir semua responden kurang berpuas hati dengan graduan baharu yang menyertai IFI. Ini kerana sebahagian besar graduan ini kurang bersemangat dan kurang berdaya saing berbanding dengan graduan pada zaman-zaman sebelumnya. Mereka dilihat kurang kompeten apabila diberi tugas yang diberikan walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dengan bidang tugas mereka. Perkara ini memerlukan kajian lanjutan untuk mendapatkan jawapan kepada fenomena yang dilaporkan ini.

Berdasarkan hasil dapatan yang mendapati graduan atau bakat graduan perakaunan masa yang kurang berdaya saing dan kompeten, maka adalah dicadangkan kajian lanjutan dijalankan bagi dimensi berikut:

- i. Kajian perbandingan graduan atau bakat perakaunan mengikut generasi masa kini (generasi X, generasi Y, generasi Z).
- ii. Kajian prospek graduan perakaunan di institusi kewangan konvensional dan Institusi Kewangan Islam (IFI).
- iii. Kajian prospek graduan perakaunan di lain-lain industri.

## **5.0 KESIMPULAN**

Adalah menjadi harapan penyelidik supaya kajian ini memberi sumbangan kepada usaha dalam menambahbaik bilangan bakat atau graduan yang akan mengisi kelompongan pasaran pekerjaan (labour market) di dalam Institusi Kewangan Islam (IFI) di Malaysia khususnya, dan secara global umumnya. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan asas maklumat kepada graduan di dalam mempersiapkan diri mereka sebelum memasuki alam pekerjaan yang memerlukan graduan

dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri terutamanya Institusi Kewangan Islam (IFI) di Malaysia. Di sudut yang lain, kajian ini diharap akan menjadi rujukan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di dalam usaha menghasilkan program dan silibus perakaunan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran semasa sekaligus menghasilkan graduan yang mapan, berdaya saing, berpengetahuan dan berkemahiran.

## RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail & Jegak Uli, ‘Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penggunaan Pelatih’, Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Siswazah Pengajian Pendidikan, UPM, 11 Sept 2004.
- Adel Mohammed Sarea & Mustafa Mohd Hanefah, ‘The need of accounting standards for Islamic financial institutions: evidence from AAOIFI’, Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2013.
- Aini Aman & Rusmaini Ramly, ‘Developing Talent in Finance and Accounting through Social Business’, Jurnal Personalia Pelajar, 2015.
- Azwan Abdullah, Mohd Khairy Kamarudin, Nor Azilawati Ahmad, Siti Syakirah Yusoh, Siti Fariha Mohamad & Mohammad Ismail, ‘The Exploration Study On Employability Of Islamic Banking and Finance Graduates from Practitioners Perspective’, Intercontinental Journal of Finance Research Review, November 2015.
- Haji Shaft Mohamad & Muaaz Haji Othman, ‘Perbandingan Pengauditan Diantara Sistem Konvensional dan Islam’, Jurnal Akademik UiTM Sarawak, Disember 2001.
- Hasnah Ali, Walad Altsani & Sanep Ahmad, ‘Perbezaan keperluan pengambilan tenaga kerja baru antara perbankan syariah dengan perbankan konvensional di Medan’, Indonesia Jurnal Kemanusiaan, Jun 2011.
- Hazilah Mohd Amina, Johari Jaafar, Zaihosnita Hood, Saidah Saad & Hamizah Mohd Amin, ‘Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Jantina’, Jurnal Teknologi, 2013.
- Joni Tamkin B. Borhan, ‘Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya’, Jurnal Usuluddin, 2000.
- M. Mansoor Khan & M. Ishaq Bhatti, ‘Islamic banking and finance: on its way to globalization’, Managerial Finance, 2008.
- Mohamad Akram Laldin, ‘Islamic financial system: the Malaysian experience and the way forward’, Humanomics, 2008.
- Mohd. Noor Azli b. Ali Khan, ‘Graduan Berakhhlak Mulia dan Beretika Pemangkin Generasi Madani’, Jurnal Kemanusiaan, 2003.
- Mohd Zulkhairi Mustapha, ‘Expectation Gap in Tax Education between Educators And Practitioners in Malaysia’, Jurnal Pendidikan, 2005.
- Muhammad Hazrul Ismail, ‘Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan’, Prosiding PERKEM, 2012.

Noor Ismawati Jaafar, ‘Computer Usage and Perceptions among Accounting Students: A Survey In A Public University’, Jurnal Pendidikan, 2003.

Noor Lela Ahmad & Suraini Mohd Rhouse, ‘Kemahiran Profesional Graduan Perakaunan: Antara Jangkaan Majikan dan Keperluan Pelajar dalam Kurikulum Perakaunan’, Jurnal Pendidikan Malaysia, 2016.

Radiah Othman & Rashid Ameer, ‘Conceptualizing the duties and roles of auditors in Islamic financial institutions What makes them different?’, Humanomics, 2015.

Rohaila Yusof, Faridah Karim & Norasmah Othman, ‘Kesan Strategi Pembelajaran Pengalaman Terhadap Pembangunan Kompetensi: Perspektif Pendidikan Perakaunan’, Jurnal Teknologi, Jun 2007.

Rosmila Senik, Martin Broad, Norazila Mat & Suhaida Abdul Kadir, ‘Information Technology (IT) Knowledge and Skills of Accounting Graduates: Does an Expectation Gap Exist?’, Jurnal Pengurusan, 2013.

Selvarajah Krishnan, Kamisan Gadar, Muhammad Zahim Ghazali, Norhafidah Nordi & Mohd Iqbal Shahidan, ‘Talent Issue in Islamic Finance Industry’, International Journal of Finance and Accounting, 2017.

Siti Zaleha Abdul Rasid, Abdul Rahim Abdul Rahman & Wan Khairuzzaman Wan Ismail, ‘Management Accounting Systems In Islamic And Conventional Financial Institutions In Malaysia’, Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2011.

Sivakumar Velayutham, ‘Conventional” accounting vs “Islamic” accounting: the debate revisited’, Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2014.

Soon-Yau Foong & Choo-Hong Khoo, ‘Attitude, learning environment and current knowledge enhancement of accounting students in Malaysia’, Journal of Accounting in Emerging Economies, 2015.

Sulaiman Abdullah Saif Al Nasser & Datin Dr Joriah Muhammed, ‘Introduction to history of Islamic banking in Malaysia’, Humanomics, 2013.

Zafir Mohd Makbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang, ‘Antara Realiti Dan Harapan – Kajian Empirikal Persepsi Majikan Terhadap Prestasi Graduan Tempatan’, Malaysian Journal of Society and Space, 2015.